



Unit Naziran dan Kualiti Pendidikan MARA
Tingkat 8, Ibu Pejabat MARA
No. 21, Jalan Raja Laut
50609 Kuala Lumpur

Bil. Pend: UNQ/104/02/9(175)
Bil MARA : UUM/SPA/001

Tarikh: 31 Mac 2009

SURAT PEKELILING AM MARA BIL. 8/2009

PELAKSANAAN STANDARD PENDIDIKAN MARA

1.0 TUJUAN

- 1.1 Surat pekeliling ini bertujuan memaklumkan mengenai pelaksanaan Standard Pendidikan MARA di semua Institusi Pendidikan MARA (IPMa).

2.0 LATAR BELAKANG

- 2.1 Standard Pendidikan MARA (SPMa) telah dibangunkan secara kolaboratif antara Bahagian-bahagian dalam Sektor Pendidikan MARA dengan kerjasama kumpulan pakar dalaman dan luar MARA berpandukan kepada kertas cadangan kerangka konsep SPMa.
- 2.2 SPMa telah dijalankan uji rintis di sepuluh(10) buah IPMa bagi tujuan pengesahan dan kebolehpercayaan item yang dibangunkan dalam instrumen dan kemudian dimurnikan.

3.0 STANDARD PENDIDIKAN MARA

3.1 Standard Pendidikan MARA adalah dasar penentuan kualiti pengurusan pendidikan yang dibangunkan untuk :-

- (i) Menyeragamkan kualiti pengurusan dan kepemimpinan IPMa supaya mencapai ekspektasi *stakeholder*;
- (ii) Membolehkan pengukuran kuantitatif ke atas keberkesanan pengurusan dan kepemimpinan pendidikan di IPMa bagi meningkatkan tahap kebolehpercayaan kualiti pendidikan MARA;
- (iii) Menyediakan satu panduan penanda aras bagi IPMa meningkatkan kualiti sistem penyampaian secara berterusan melalui penyediaan pelan tindakan penambahbaikan Institusi; dan
- (iv) Menentukan secara terperinci pengetahuan dan kemahiran yang perlu ada bagi memastikan perkhidmatan berkualiti sebagai asas merancang latihan dan pembangunan setiap warga kerja.

3.2 SPMa merupakan satu set petunjuk-petunjuk pematuhan standard kualiti pengurusan dan kepemimpinan pendidikan MARA yang telah dibangunkan untuk dijadikan pengukur perbandingan berasaskan skor bagi menentukan usaha-usaha peningkatan dan penambahbaikan.

3.3 Bersama Manual SPMa ialah satu set instrumen SPMa yang telah dibina bagi membantu IPMa mengukur dan menilai kualiti pengoperasian pengurusan dan pentadbiran pendidikan institusi masing-masing. Dokumen tersebut bertujuan mengupayakan warga kerja MARA menjamin kualiti sistem penyampaian di semua IPMa.

3.4 Enam (6) Standard Amalan telah dikenalpasti dalam Standard Pendidikan MARA seperti berikut :-

- (i) Profesion Pendidik MARA
- (ii) Pembangunan Profesion Pendidik MARA
- (iii) Hubungan Profesional Pendidik MARA
- (iv) Perkhidmatan Pendidikan MARA
- (v) Kewarganegaraan Pendidikan MARA
- (vi) Pengurusan Pusat Sumber Pendidikan MARA

4.0 OBJEKTIF SPMa

- 4.1 Menentukan standard amalan kualiti pengurusan pendidikan.
- 4.2 Memantapkan tahap kualiti pengurusan dan kepemimpinan IPMa.
- 4.3 Menjadi panduan operasi dan kepemimpinan IPMa dalam menggerakkan institusi ke arah pengurusan berkualiti yang menyeluruh dengan kaedah penambahbaikan secara berterusan.
- 4.4 Dijadikan asas kepada tindakan penambahbaikan pengurusan dan kepemimpinan IPMa.
- 4.5 Membantu IPMa mengenal pasti kelemahan dan kekuatan Institusi.

5.0 KAEDAH PELAKSANAAN

5.1 Pelaksanaan SPMa melibatkan IPMa seperti berikut :-

- (i) Kolej Kemahiran Tinggi MARA [KKTm]
- (ii) Kolej Profesional MARA [KPM]
- (iii) Kolej MARA [KM]
- (iv) Institut Kemahiran MARA [IKM]
- (v) Maktab Rendah Sains MARA [MRSM]
- (vi) GIATMARA Sdn. Bhd.

5.2 Pelaksanaan SPMa adalah berdasarkan dokumen SPMa berbentuk buku yang telah diterbitkan iaitu :-

- (i) Standard Pendidikan MARA : MANUAL
[No ISBN : 978-983-44458-0-5]
- (ii) Standard Pendidikan MARA : INSTRUMEN
[No ISBN : 978-983-44458-1-2]

5.3 Dua (2) Jawatankuasa Pelaksana dibentuk bagi memastikan pelaksanaan SPMa berjalan secara teratur dan berkesan. Jawatankuasa-jawatankuasa tersebut adalah Jawatankuasa Pelaksana SPMa Peringkat Ibu Pejabat (JPSI) dan Jawatankuasa Pelaksana SPMa Peringkat Pusat/IPMa (JPSP) .

5.4 Pengurusan pelaksanaan SPMa di peringkat Ibu Pejabat MARA yang melibatkan Jawatankuasa Pelaksana Standard Pendidikan MARA (JPSI) mempunyai keahlian dan tanggungjawab seperti berikut : -

5.4.1 Keanggotaan JPSI :-

Pengerusi : Pengarah Kanan Pendidikan dan Latihan MARA

Ahli-ahli :-

- (i) Pengarah/Timbangan Pengarah, BPT
- (ii) Pengarah/Timbangan Pengarah, BPL(K)
- (iii) Pengarah/Timbangan Pengarah, BPL(M)
- (iv) Pengarah/Timbangan Pengarah, BPS
- (v) Ketua Pegawai Eksekutif, GIATMARA
- (vi) Ketua Unit Naziran dan Kualiti Pendidikan MARA

5.4.2 Peranan dan Fungsi JPSI adalah seperti berikut :-

- (i) Melaksanakan pemantauan bagi tujuan pematuhan pelaksanaan SPMa di IPMa;
- (ii) Membuat penilaian bagi penambahbaikan pengurusan pendidikan di IPMa;
- (iii) Mengenal pasti keperluan latihan bagi pembangunan profesionalisme pentadbir dan pendidik IPMa.

5.5 Pengurusan pelaksanaan SPMa diperingkat pusat melibatkan pembentukan Jawatankuasa Pelaksana Standard Pendidikan MARA PUSAT (JPSP) dengan keahlian dan tanggungjawab seperti berikut :-

5.5.1 Keanggotaan JPSP :-

JPSP dipengerusikan oleh Pegawai Mengawal Pusat (PMP) dan diwakili oleh pegawai-pegawai yang bertanggungjawab ke atas bidang-bidang berikut:-

- (i) Pengurusan Pentadbiran dan Perkhidmatan
- (ii) Pengurusan Akademik
- (iii) Pengurusan Hal Ehwal Pelajar
- (iv) Pengurusan Pusat Sumber

5.5.2 Peranan dan Fungsi JPSP adalah seperti berikut :-

- (i) Memastikan pengurusan pendidikan di IPMa dilaksanakan berpandukan SPMa;
- (ii) Membuat dokumentasi / pelaporan pelaksanaan SPMa;
- (iii) Melaksanakan pemantauan bagi tujuan pematuhan SPMa di IPMa; dan
- (iv) Membuat penilaian dan mengenalpasti keperluan untuk penambahbaikan pengurusan pendidikan di IPMa.

5.6 Pentadbiran SPMa di peringkat Institusi :-

5.6.1 Institusi hendaklah melaksanakan penilaian sendiri setiap hujung tahun untuk menentukan tahap dan prestasi pengoperasian dan pengurusan pendidikan Institusi masing-masing.

5.6.2 Penilaian sendiri bagi menentukan nilai awal atau *Take Off Value* (TOV) pada tahun ini dibuat segera berdasarkan prestasi 2008.

5.6.3 Berpandukan penilaian sendiri yang telah dibuat, Pelan Tindakan Penambahbaikan (PTP) dirangka dan dirancang serta dilaksanakan secara berterusan.

5.6.4 Menghantar laporan Rumusan Skor Penilaian Kendiri dan Pelan Tindakan Penambahbaikan kepada Pengawal Program dan UNQ.

5.7 Unit Naziran dan Kualiti akan memantau pelaksanaan SPMa melalui lawatan penaziran berkala.

6.0 TARIKH KUATKUASA

6.1 Surat Pekeliling Am MARA ini berkuatkuasa tarikh surat ini dikeluarkan.

7.0 TANGGUNGJAWAB PENGAWAL PUSAT

7.1 Pegawai Mengawal Pusat IPMa dikehendaki melaksanakan SPMa sebagai asas pengoperasian dan penilaian sendiri pengurusan pendidikan di pusat masing-masing seperti yang terkandung dalam dokumen SPMa berkenaan.

7.2 Pengarah Bahagian dalam Sektor Pendidikan hendaklah memantau pelaksanaan SPMa di Institusi Pendidikan masing-masing bagi memastikan keberkesanan program.

“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”

“CEMERLANG, GEMILANG, TERBILANG”



DATUK NAM BIN MARTHININ

Ketua Pengarah

MARA

“MARA Terus Mara”
“KEUSAHAWANAN KERJAYA PILIHAN”